

**"Halang pelancong masuk masjid perbuatan tidak bertanggungjawab" -
Tun M
AstroAwani
29 Januari 2020
Hasimi Muhamad,**

PUTRAJAYA: Kerajaan tidak pernah mengeluarkan sebarang arahan menyekat pelancong dari melawat masjid dan lokasi pelancongan lain di negara ini, tegas Tun Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, perbuatan tersebut adalah tidak bertanggungjawab dan sengaja mencetuskan ketegangan antara kaum.

Justeru, kata beliau, kerajaan tidak akan tolak ansur terhadap pihak berkenaan.

"Ini bukan dasar kerajaan. Kerajaan tidak mengisytiharkan bahawa masjid atau muzium tidak boleh dilawati oleh pelancong kerana kononnya mereka (pelancong China) membawa penyakit (koronavirus) itu ke tempat-tempat ini.

"Ini adalah perbuatan yang tidak bertanggungjawab dan pihak kerajaan akan mengambil tindakan kepada mereka yang sengaja mengeluarkan berita palsu untuk menakutkan rakyat di Malaysia, bahkan untuk cetuskan perasaan benci antara kaum di Malaysia," kata beliau dalam sidang media khas, di sini, pada Rabu.

Dr Mahathir berkata demikian ketika pihak berkuasa sedang giat bertindak mengekang penyebaran berita palsu berkaitan wabak koronavirus di Wuhan, China.

Tambah beliau, pihak berkaitan tidak sepatutnya menggunakan kebebasan media sebagai platform untuk menyebarkan berita palsu.

“Kita akan mengambil tindakan terhadap individu ini. Kebebasan media masih kekal di negara ini tetapi menyebarkan berita palsu dan penipuan telah menimbulkan masalah.

“Kita tidak akan bertolak ansur terhadap mereka,” tegas Dr Mahathir.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/halang-pelancong-masuk-masjid-perbuatan-tidak-bertanggungjawab-tun-m-229295>